

D651

R B625 AAB

MAHATHIR-BATAL

KUALA LUMPUR, 14 DIS (BERNAMA) -- JAWATANKUASA DAMAI YANG  
DITUBUHKAN OLEH PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM (OIC) UNTUK  
MENAMATKAN PERANG IRAN-IRAQ YANG DIJADUALKAN BERMESYUARAT MINGGU  
DEPAN DI JEDDAH, ARAB SAUDI DIBATALKAN.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGANGGOTAI  
JAWATANKUASA ITU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA PEMBATALAN ITU DISEBABKAN  
TERLALU BANYAK SYARAT YANG DIKENAKAN OLEH PIHAK-PIHAK YANG  
BERTELINGKAH ITU.

BELIAU DIJADUALKAN BERLEPAS KE JEDDAH HARI INI.

KETIKA MEMULAKAN UCAPANNYA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG KETUJUH  
PERWAKILAN KOPERASI USAHA BERSATU (KUB) DI PUSAT DAGANG DUNIA PUTRA  
DI SINI, BELIAU BERKATA TUJUAN BELIAU KE ASIA BARAT ADALAH UNTUK  
MENCARI JALAN BAGI MENAMATKAN PERANG ANTARA DUA NEGARA ISLAM ITU.

SECARA BERSELOROH DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT BAHAWA  
DENGAN TIDAK JADINYA BELIAU KE SANA MUNGKIN LEBIH BANYAK ORANG IRAN  
DAN IRAQ AKAN TERUS BERBUNUHAN SESAMA MEREKA.

+MUNGKIN INI HAJAT MEREKA. KITA TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA,+  
KATANYA DENGAN KESAL. -- BERNAMA.

1256MST 14 12 85